



PERUTUSAN DATUK BANDAR

MESYUARAT MAJLIS BIL. 12/2025

KHAMIS, 18 DISEMBER 2025 (27 JUMADAL AKHIRAH 1447H)

DEWAN BUNGA TANJUNG, PETALING JAYA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Malaysia MADANI, Salam Kita Selangor dan Salam Petaling Jaya

Bandar Paling Bahagia dan Mampan.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi di atas segala limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan bagi mereka yang mencontohi Baginda SAW.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, Penyelaras DUN Taman Medan, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Datuk Bandar, Timbalan Setiausaha Pengurusan, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya atas kerjasama yang baik diberikan kepada saya dalam mentadbir urusan bandaraya Petaling Jaya.

Saya amat berharap, sokongan dan komitmen yang tuan/puan berikan ini sentiasa berterusan dalam usaha kita untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya.

2. MENGARUS PERDANA KECEMERLANGAN : DEDIKASI WARGA KERJA, ASPIRASI SEBUAH BANDAR RAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya terus melakar kecemerlangan sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan yang progresif, inovatif dan berorientasikan rakyat. Selaras dengan aspirasi menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya pintar, mampan dan berdaya huni, MBPJ komited memperkukuh tadbir urus, mempertingkatkan kualiti perkhidmatan serta memenuhi keperluan komuniti bandar yang dinamik.

Usaha berterusan MBPJ dalam memperkukuh prestasi organisasi dan penyampaian perkhidmatan telah membuahkan hasil yang membanggakan. Sepanjang tahun 2025, MBPJ telah menerima sebanyak **66 anugerah dan pengiktirafan**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **16 peringkat negeri, 36 peringkat kebangsaan** dan **14 peringkat antarabangsa** merangkumi bidang pengurusan organisasi, teknologi maklumat, kualiti dan inovasi, pengurusan kewangan integriti, perkhidmatan teras yang meliputi perancangan pembangunan, kemudahan dan infrastruktur, kawalan bangunan, landskap, penguatkuasaan, penilaian harta, pelesenan, kawalan kesihatan alam sekitar, sisa pepejal dan pembersihan awam, pengurusan pelanggan

serta pencapaian dalam bidang sukan dan kesenian. Pengiktirafan ini menjadi bukti jelas terhadap profesionalisme, dedikasi dan komitmen seluruh warga kerja MBPJ.

Kejayaan MBPJ tidak dapat dicapai tanpa keterlibatan aktif dan komitmen tinggi warga kerja yang menjadi tulang belakang organisasi. Setiap kejayaan dan pengiktirafan yang diterima adalah hasil usaha kolektif warga kerja MBPJ yang sentiasa menunjukkan tahap profesionalisme, disiplin serta semangat kerja berpasukan yang tinggi.

Budaya kerja berprestasi tinggi, sikap proaktif dan kesediaan untuk menerima perubahan telah membolehkan warga kerja melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan.

Kecemerlangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah hasil sinergi kepimpinan berwawasan, tadbir urus berintegriti, inovasi berterusan serta komitmen padu ahli-ahli Majlis, warga kerja dan komuniti. Dengan mengekalkan momentum kecemerlangan ini, MBPJ akan terus menjadi contoh bandar raya mampan dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.

3. BELANJAWAN MBPJ 2026 : BANDAR RAYA BERDAYA HUNI DAN MAMPAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya terus komited memperkukuh tadbir urus kewangan dan penyampaian perkhidmatan bandar apabila Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke-37/2025 bertarikh 10

Disember 2025 telah meluluskan secara dasar cadangan Belanjawan Tahun 2026 bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor, termasuk MBPJ.

Bagi Tahun 2026, MBPJ merangka **Bajet Hasil berjumlah RM 496.14 juta** manakala **Bajet Perbelanjaan berjumlah RM 521.74 juta**. Daripada jumlah perbelanjaan tersebut, sebanyak **RM 411.26 juta diperuntukkan bagi Perbelanjaan Mengurus**, sementara **RM 110.48 juta disalurkan untuk Perbelanjaan Pembangunan**. Perbandingan antara kedua-dua komponen ini menjadikan MBPJ mencatatkan defisit bajet sebanyak RM 25.60 juta bagi Tahun 2026.

Walaupun berdepan cabaran defisit, perancangan bajet ini dirangka secara berhemah dan strategik bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan teras kepada warga Petaling Jaya terus dipelihara. Peruntukan **Perbelanjaan Mengurus** memberi tumpuan kepada operasi harian, penyelenggaraan kemudahan awam serta pengurusan perkhidmatan bandar yang efisien. Manakala **Perbelanjaan Pembangunan** pula disusun bagi menyokong pelaksanaan projek-projek pembangunan fizikal, infrastruktur dan kesejahteraan komuniti yang memberi impak jangka panjang kepada bandaraya ini.

Selain kelulusan belanjawan, MMKN turut meluluskan Senarai Perjawatan Tahun 2026 bagi semua PBT Negeri Selangor, termasuk MBPJ. Sehubungan itu, semua jabatan di MBPJ digesa untuk melaksanakan perancangan dan perbelanjaan bajet secara berdisiplin,

telus dan mematuhi kelulusan yang telah diberikan. Pengurusan kewangan yang berintegriti serta berimpak tinggi akan terus menjadi teras dalam memastikan MBPJ kekal mampan, responsif dan berdaya saing sebagai sebuah bandar raya yang sejahtera dan inklusif.

Sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan yang sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat, MBPJ akan terus memperkukuh pemantauan pelaksanaan bajet agar setiap ringgit yang dibelanjakan memberikan pulangan nilai terbaik kepada komuniti.

Pendekatan perancangan berasaskan keutamaan, pengurusan risiko kewangan serta kerjasama rentas jabatan akan diperkasakan bagi memastikan pelaksanaan Belanjawan 2026 berjalan lancar, berkesan dan selari dengan visi menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya mampan, berdaya huni dan sejahtera untuk semua

4. MASYARAKAT INKLUSIF OKU, KUNCI KEMAJUAN SOSIAL

Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Sedunia yang diraikan pada 3 Disember setiap tahun bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap hak, kepentingan dan penyertaan golongan OKU dalam kehidupan sosial.

Sambutan ini menjadi platform menilai sejauh mana usaha ke arah masyarakat yang lebih inklusif telah dilaksanakan. MBPJ meneruskan komitmen dalam memupuk sikap prihatin dan menghargai kepelbagaian keupayaan melalui program serta inisiatif yang lebih

tersusun dan menyeluruh buat warga OKU Petaling Jaya.

Sambutan Hari OKU pada tahun ini mengangkat tema **Masyarakat Inklusif OKU, Kunci Kemajuan Sosial**, yang menuntut seluruh masyarakat untuk memastikan golongan OKU mendapat ruang, pengiktirafan dan sokongan sewajarnya dalam proses pembangunan negara.

Tema ini menekankan pentingnya mewujudkan persekitaran masyarakat yang memberi peluang sama rata kepada semua golongan tanpa mengira kemampuan fizikal atau mental. Selari dengan aspirasi negara tersebut, MBPJ memperkukuh pelaksanaan aktiviti dengan memastikan golongan OKU turut mendapat ruang yang adil untuk terlibat dalam pembangunan bandar raya, sekali gus memperkasa konsep Malaysia Madani yang menekankan kesejahteraan, ihsan dan kesaksamaan.

MBPJ telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan penyertaan golongan OKU serta membuka lebih banyak ruang pembangunan potensi mereka. Antara program tersebut ialah 'Saringan Murid Sekolah Rendah Kurang Upaya yang memerlukan Pendidikan Khas' yang dianjurkan bersama Jabatan Pendidikan.

Selain daripada itu, terdapat juga program/aktiviti lain yang membantu menonjolkan bakat golongan OKU, malah menggalakkan interaksi yang lebih positif antara mereka dan masyarakat umum, seterusnya mengurangkan stigma yang masih wujud dalam kehidupan seharian.

Selain program sosial dan penyertaan komuniti, MBPJ turut memperkasakan kemudahan dan perkhidmatan mesra OKU bagi memastikan urusan harian mereka dapat dijalankan dengan lebih mudah dan selamat.

Antara kemudahan yang disediakan ialah laluan pejalan kaki berakses, pemasangan ramp dan pautan di bangunan-bangunan awam, penyediaan perkhidmatan Van Transit OKU, perkhidmatan *PJ City Bus* dengan reka bentuk *Universal Design*, Tempat Letak Kereta Khas OKU, Kaunter Mesra OKU, Program Bantuan Alat Sokongan, serta pelaksanaan jalan yang berteraskan sentuhan (tactiles) bagi memastikan semua fasiliti awam mematuhi piawaian aksesibiliti. Usaha ini jelas menunjukkan komitmen MBPJ dalam mewujudkan bandar raya yang mesra dan responsif terhadap keperluan semua.

Untuk makluman bersama, Majlis akan memperuntukkan sejumlah RM 150,000.00 pada tahun 2026 bagi melaksanakan Program Bandar Bebas Halangan. Program ini menekankan pelaksanaan Reka Bentuk Sejagat (Universal Design) di ruang awam, bangunan dan kemudahan masyarakat agar Petaling Jaya mudah diakses oleh warga emas, wanita, kanak-kanak dan OKU. Antara komponen utama program ini ialah :

- a) Pelaksanaan audit akses di bangunan awam, pusat bandar, laluan pejalan kaki dan taman awam;
- b) Menaiktaraf 23 pusat bandar di Petaling Jaya dengan reka

bentuk sejagat serta audit bersama pengguna bagi memastikan kemudahan benar-benar berfungsi; dan

- c) Memberi penarafan kepada pemaju dan pemilik bangunan (projek swasta) yang mematuhi rekabentuk sejagat.

Usaha memperkukuh sokongan terhadap golongan OKU merupakan sebahagian daripada tanggungjawab membina masyarakat yang benar-benar inklusif dan penyayang. Melalui penyediaan program, kemudahan dan perkhidmatan yang berterusan, MBPJ beriltizam memastikan setiap warga, tanpa mengira keupayaan, mendapat ruang yang adil untuk menjalani kehidupan yang berkualiti.

Sebagai sebuah negara bangsa merdeka, harapan kita ialah agar budaya hormat-menghormati, penerimaan dan kesaksamaan terus menjadi tunjang dalam pembangunan negara. Dengan kerjasama seluruh masyarakat, impian untuk mewujudkan Malaysia yang lebih sejahtera, progresif dan meraikan kepelbagaian akan dapat direalisasikan demi kesejahteraan generasi hari ini dan masa hadapan.

5. PJ MAMPAN, BAHAGIA DAN SEJAHTERA

Petaling Jaya beraspirasi menjadi sebuah 'Learning City' yang dinamik, di mana pembelajaran berterusan menjadi sebahagian daripada kehidupan harian, sekali gus mewujudkan komuniti yang lebih maju, berpengetahuan dan bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan.

Bagi menjayakan program di bawah Learning City Petaling Jaya pada tahun 2026, Majlis akan memperuntukan sejumlah RM 320,000 bagi pelaksanaan utama program seperti berikut :

- a) Pusat Sumber Komuniti Pintar (Smart Learning Hubs) - memperkukuh perpustakaan, pusat komuniti dan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) sebagai lokasi pembelajaran sepanjang hayat.
- b) Program Literasi Digital (Lifelong Learning IT), AI dan Teknologi Hijau -memperkasa masyarakat dengan kemahiran digital seiring cabaran ekonomi hijau dan global.
- c) PJ Learning City Festival - acara tahunan untuk menghubungkan sekolah, IPT, industri, NGO dan komuniti.
- d) Ekspo Buku Petaling Jaya (PJBX2026) - pameran dan ekspo buku yang bertujuan memperluaskan akses kepada pembelajaran sepanjang hayat melalui buku fizikal dan digital.
- e) Rangkaian Pembelajaran Inklusif – merentas institusi pendidikan, swasta dan masyarakat sivil bagi memperluas peluang ilmu untuk semua.

Majlis turut menyokong Program NADI di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Program ini menyediakan akses internet dan latihan kemahiran digital kepada masyarakat.

6. KEMPEN BAYARAN CUKAI TAKSIRAN DAN KAUNTER BERGERAK EZPAY 2026

Majlis akan mengadakan kempen bayaran Cukai Taksiran sepanjang bulan Januari 2026 sempena Musim Pembayaran Cukai Taksiran Penggal Pertama Tahun 2026. Sepanjang tempoh kempen ini diadakan, Majlis menawarkan khidmat nasihat serta rundingan mengenai kaedah pembayaran tunggakan Cukai Taksiran.

Orang awam juga boleh menyemak bil Cukai Taksiran dan membuat pertukaran nama dan juga alamat surat-menyurat di kaunter-kaunter yang disediakan. Tarikh dan lokasi kempen adalah seperti berikut :

TARIKH	MASA	LOKASI
9 – 10 Januari (Sabtu & Ahad)	9.00 Pagi – 2.00 Petang	Jalan SS 25/4 (Berhadapan Balai Raya Tamera, SS25)
17 – 18 Januari (Sabtu & Ahad)		BU8, Bandar Utama (Berhampiran Wisma BU8)
24 – 25 Januari (Sabtu & Ahad)		Jalan Cempaka SD 12/1 (Berhadapan McDonald's, Sri Damansara)

Majlis turut menyediakan perkhidmatan kaunter bergerak EZPay bagi memudahkan orang awam untuk membuat pembayaran di lokasi berhampiran tanpa perlu ke Ibu Pejabat, terutama pada waktu puncak.

Tambahan pula, transaksi boleh dilakukan diluar waktu pejabat menjadikannya lebih fleksibel dan mesra pengguna. Lokasi dan masa kaunter bergerak EZPay sepanjang bulan Februari adalah seperti berikut:

TARIKH	MASA	LOKASI
7 – 8 Februari (Sabtu & Ahad)	10.00 Pagi – 2.00 Petang	Jalan SS 6/3, Kelana Jaya (Simpang Berhadapan KFC)
14 – 15 Februari (Sabtu & Ahad)	10.00 Pagi – 2.00 Petang	PU10, Damansara Damai (Berhadapan McDonald's)
21 – 22 Februari (Sabtu & Ahad)	10.00 Pagi – 2.00 Petang	Jalan Dagang SD 2/1G, (Berhadapan Kedai Tayar STH Auto Services Centre, Sri Damansara)
27 Februari 2026 (Jumaat)	9.00 Pagi – 12.00 Tengahari	PJU6, Pelangi Damansara
28 Februari 2026 (Sabtu)	10.00 Pagi – 2.00 Petang	PJU6, Pelangi Damansara

Bersempena bulan pembayaran Cukai Taksiran ini, Majlis juga menyediakan cenderahati kepada pembayar yang menjelaskan Cukai Taksiran setahun 2026 sebagai memberi galakan dan penghargaan kepada pembayar cukai yang telah melaksanakan tanggungjawab mereka.

Kepada pembayar Cukai Taksiran yang menjelaskan bayaran Cukai Taksiran setahun melalui platform *online* iaitu Epay@MBPJ dan memenuhi syarat, mereka berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah. Tempoh kempen adalah bermula **1 Januari 2026 sehingga 28 Februari 2026.**

Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas kepada Ahli-ahli Majlis, warga kerja MBPJ dan seluruh penduduk Petaling Jaya yang meraikannya.

Semoga perayaan ini membawa kegembiraan, semangat perpaduan dan mengeratkan lagi hubungan harmoni dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa di bandaraya Petaling Jaya yang kita sayangi.

Semoga kita terus hidup dalam suasana saling hormat menghormati, bekerjasama dan bertolak ansur antara satu sama lain.

Selamat Tahun Baru 2026.

Sekian, terima kasih.